

OGOS 2015

KEMURIDAN : MISI KE ARAH TRANSFORMASI KEMANUSIAAN MERAYAKAN KEPELBAGAIAN

FOKUS:

Kepelbagaian adalah belajar untuk menerima orang dari latar belakang budaya dan kaum yang berbeza; dan keunikan yang membuat semua orang menjadi bahagian terpenting dalam masyarakat.

LAGU PEMBUKAAN: SINAR KEMULIAAN MU YESUS

Kami berkumpul di sini Tuhan, di hadapan takhtaMu Yesus,
Sinar kemuliaanMu Tuhan, menyinari tempat ini.

Kami umat pilihanMu Tuhan, berkumpul dan bersatu hati,
Menganggungkan namaMu Tuhan, dengan hati yang penuh pengharapan.

*Nyatakanlah kuasaMu oh Tuhan,
Curahkan Roh KudusMu Yesus
Sembuhkanlah semua penyakit kami
Agar kami dibebaskan.*

DOA PEMBUKAAN:

(Dijemput salah seorang ahli KED berdoa Doa Pembukaan)

LIHAT KEPADA KEHIDUPAN:

Kisah Tempayan Retak

Seorang tukang **air** di India memiliki dua tempayan besar yang masing- masing bergantung pada hujung sebuah pikulan, yang satu retak dan yang satunya lagi tidak. Tempayan yang tidak retak selalu membawa air penuh setelah perjalanan panjang dari mata air ke rumah majikannya, sedangkan tempayan yang retak hanya dapat membawa setengah penuh. Selama bertahun-tahun, hal **ini** berjalan setiap hari, tentu tempayan yang tidak retak sangat bangga akan prestasinya yang selalu membawa air penuh ke rumah majikannya, sedangkan tempayan yang retak merasa malu sekali dengan ketidaksempurnaannya dan merasa sedih kerana tidak dapat memberi lebih dan hanya setengah dari yang seharusnya dapat diberikan.

Setelah bertahun-tahun mengalami kegagalan pahit tersebut, tempayan retak akhirnya berkata kepada si tukang air,” Saya sungguh malu pada diri saya sendiri, dan saya ingin mohon maaf kepadamu.”Kenapa?” tanya si tukang air, ”kenapa kamu merasa malu.”

” Saya hanya mampu membawa setengah porsi air dari yang seharusnya dapat saya bawa, kerana adanya retakan pada sisi saya telah membuat air bocor sepanjang perjalanan menuju rumah majikan kita. Kerana cacatku ini, saya telah membuatmu rugi.” kata tempayan itu. Si tukang air merasa kasihan pada si tempayan retak, dan dalam belas kasihannya ia berkata,”

Jika kita kembali ke rumah majikan esok, aku ingin kamu memperhatikan bunga-bunga indah disepanjang jalan.”Benar, ketika mereka naik ke bukit, si tempayan retak memperhatikan dan baru menyadari bahawa ada bunga-bunga indah di sepanjang sisi jalan dan itu membuatnya sedikit terhibur. Namun pada akhir perjalanan, ia kembali sedih kerana separuh air yang dibawanya telah bocor dan kembali ia meminta maaf pada si tukang air kerana kegagalannya. Si tukang air berkata kepada si tempayan, ”Apakah kamu memperhatikan adanya bunga-bunga di sepanjang jalan disisimu tetapi tidak ada bunga di sepanjang jalan sisi tempayan yang lain yang tidak retak? Itu kerana aku selalu menyadari akan cacatmu dan aku memanfaatkannya. Aku telah menanam benih-benih bunga di sepanjang jalan disisimu, dan setiap hari jika kita berjalan pulang dari mata air, kamu mengairi benih-benih itu. Selama bertahun-tahun aku dapat memetik bunga-bunga indah itu untuk menghiasi meja majikan kita. Tanpa kamu sebagaimana kamu ada, majikan kita tak akan dapat menghias rumahnya seindah sekarang.”

Renungan:

- Bagaimana saya melihat orang dari pelbagai kaum dan agama lain?
- Bagaimana untuk mengenali dan menerima kebolehan orang lain?

SABDA ALLAH: 1 Korintus 12:12-14

- Baca petikan ini sebanyak dua kali.
- Pilih perkataan atau frasa pendek daripada teks tersebut. Ungkapkan dengan suara yang kedengaran dalam suasana doa sebanyak tiga kali dan hening sejenak di antara ungkapan itu.
- Renungkan perkataan atau frasa pendek yang dipilih dalam keadaan senyap selama dua minit
- Dalam kumpulan kecil, kongsi perkataan atau frasa yang telah menyentuh hati anda.
- Tentukan "Sabda Kehidupan" bagi kumpulan
- Kongsi "Sabda kehidupan " dalam kumpulan KED tersebut.

Aktiviti Kumpulan:

- Walaupun kita berbeza, kita adalah satu sebagai sebuah negara. Mari kita tunjukkan kasih kita kepada negara kita dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan, atau melukis bendera kebangsaan.

Hidup Dalam Kasih:

- Apa yang boleh saya lakukan untuk meraikan kepelbagaian dalam keluarga saya? (cadangkan cara-cara tertentu)
- Apa yang boleh kita lakukan sebagai KED untuk meraikan agama, etnik, dan kepelbagaian budaya kita sebagai rakyat Malaysia? (Tentukan satu tindakan konkrit untuk tindakan KED)

- Doa Komuniti (untuk negara kita, pemimpin-pemimpin kita, rakyat berbilang kaum dan agama ... untuk meraikan kepelbagaian ..., untuk menghadapi kepelbagaian dan menggalakkan kepelbagaian dalam perpaduan dengan semua orang.

Doa Penutup:

Mintalah seorang anggota keluarga untuk mengucapkan doa penutup.

Lagu Penutup: Begitu Indah

Begitu indah terjalin mesra...

Satu dalam kasih kita bersaudara... 2X

*Di dalam kasih Yesus kita bersaudara,
Tanpa ada rasa curiga yang saling terbuka
Mari kita jalan berjalan bersama
Sampai Tuhan Yesus datang kedua kalinya.*

Bacaan Tambahan:

Apabila difahami dengan betul, kepelbagaian budaya bukanlah satu ancaman kepada perpaduan Gereja. Roh Kudus, yang diutus oleh Bapa dan Anak, mengubah hati kita dan membolehkan kita untuk memasuki persekutuan Tritunggal yang sempurna, di mana segala sesuatu mencapai kesatuan mereka. Allah membina perjamuan dan keharmonian umat Tuhan. Roh yang sama iaitu keharmonian, adalah ikatan kasih antara Bapa dan Anak. Allah yang membawa kekayaan dalam kepelbagaian, dan pada masa yang sama mewujudkan keseragaman kesatuan tetapi juga yang mengundang keharmonian dalam pelbagai bentuk. Penginjilan sukacita juga mengakui kepelbagaian warisan yang dicurahkan oleh Roh Kudus kepada Gereja. Kita tidak akan berlaku adil kepada logik penjelmaan jika kita berfikir bahawa agama Kristian sebagai budaya yang satu dan membosankan. Walaupun benar bahawa sesetengah budaya telah dikaitrapat dengan pemberitaan Injil dan perkembangan pemikiran Kristian, mesej yang diturunkan tidak sama dengan mana-mana daripadanya; kandungannya adalah kepelbagaian kebudayaan. Oleh itu dalam penginjilan budaya baru, atau budaya yang tidak menerima mesej Kristian, ia tidak penting untuk mengenakan bentuk budaya tertentu, tidak kira berapa cantik atau kuno, bersama-sama dengan Injil. Mesej yang kita wartkan sentiasa mempunyai budaya tertentu, tetapi kita kadang-kadang boleh jatuh ke dalam perangkap yang sia-sia dari budaya kita sendiri, dan dengan itu menunjukkan sikap fanatik lebih daripada semangat penginjilan yang sebenarnya. (EG, n. 117)